

# FB Anwar dibanjiri komen positif rakyat Kemboja, Thailand

**Kuala Lumpur:** Rakyat Kemboja dan Thailand membanjiri ruangan komen di laman Facebook rasmi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dengan ucapan terima kasih dan penghargaan atas peranan Malaysia mengadakan Perjanjian Damai Kuala Lumpur yang dimeterai antara kedua-dua negara pada Ahad lalu.

Facebook *The Phnom Penh Post* dan Perdana Menteri Thailand, Anutin Charnvirakul turut dibanjiri dengan ucapan terima kasih atas pemeteraian pelan damai berkenaan.

Gelombang ucapan itu tercetus selepas pemimpin kedua-dua negara; Perdana Menteri Kemboja, Hun Manet dan Charnvirakul, menandatangani perjanjian bersejarah yang disaksikan Anwar dan Presiden Amerika Syariat (AS), Donald Trump

pada Sidang Kemuncak ASEAN 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Perkembangan yang dikongsi Anwar mengenai perjanjian itu menerima lebih 60,000 tanda suka dengan 7,000 komen ditinggalkan pengguna Facebook, manakala Facebook Anutin dihujani dengan pelbagai reaksi daripada rakyat Thailand termasuk menyatakan bahawa pemeteraian pelan damai itu mencerminkan kebijaksanaan dan pandangan jauh kepimpinan Perdana Menteri Thailand itu.

Ribuan komen positif membanjiri laman Facebook Anwar dan Pejabat Perdana Menteri (PMO Malaysia) dengan kebanyakannya rakyat Kemboja yang menzahirkan rasa terharu terhadap usaha Malaysia membawa keamanan ke rantau itu.

Pengguna Facebook yang juga

rakyat Kemboja, Keang Hak, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas inisiatif serta usaha tulus Anwar dalam membina keamanan antara dua negara ASEAN.

“Sebagai Pengerusi Bersama, tindakan pantas Perdana Menteri Malaysia sudah menyelamatkan ribuan, malah mungkin jutaan nyawa, seperti yang disebut Presiden AS, Donald Trump. Saya berharap keamanan antara kedua-dua negara ini akan berkekalan untuk tempoh yang sangat lama, dengan pematuhan terhadap segala ketetapan dalam perjanjian damai berkenaan.

“Dia (Anwar) membuktikan bahawa keamanan sentiasa boleh dicapai. Semoga keamanan terus berkekalan. Dari lubuk hati saya yang paling dalam, terima kasih Tuan Perdana Menteri, da-

ripada saya penduduk Kemboja,” katanya dalam Facebook Anwar Ibrahim.

Bagi Sokheang Eang, dia tidak akan melupakan peranan besar Anwar dalam merealisasikan perjanjian damai berkenaan.

“Terima kasih Perdana Menteri, (Datuk Seri) Anwar Ibrahim. Dari rakyat Kemboja,” katanya.

Dalam ruangan yang sama, Dipetik Soksereyors, berkata sebagai rakyat Kemboja, beliau amat menghargai sokongan tidak berbelah bahagi dan pegawai terbabit dalam Perjanjian Damai Kuala Lumpur.

“Saya doakan Perdana Menteri, pegawai dan rakyat Malaysia sentiasa dalam kesejahteraan. Saya juga berharap hubungan antara Kemboja dan Malaysia akan terus kukuh dan menjadi persaudaraan erat da-

lam ASEAN,” katanya.

Shomal Riceberry, berkata pengisytiharan gencatan senjata itu tidak membawa sebarang mudarat kepada negara, sebaliknya mencerminkan kebijaksanaan dan pandangan jauh kepimpinan beliau.

“Namun, pada masa hadapan, saya ingin menggesa kerajaan Thailand supaya menunjukkan pendirian lebih jelas dan tegas, khususnya dalam menguruskan hubungan dengan negara-negara jiran, supaya dunia dapat menyaksikan maruah dan kekuatan sebenar Thailand,” katanya.

Sementara itu, pengguna dalam hantaran di Facebook *The Phnom Penh Post*, Sam Heat mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada Anwar, Trump dan pemimpin ASEAN yang lain dalam menjayakan pelan damai untuk Kemboja.